

**PEKAKA DENDANG**  
Brown-winged Kingfisher

FAMILI: Alcedinidae  
NAMA SAINTIFIK: *Halcyon amauroptera*

**CIRI-CIRI**

Individu dewasa spesies ini kelihatan hampir sama seperti Pekaka Paruh Besar, *H.capensis*, tetapi kepalanya berwarna oren kekuningan seperti bahagian bawah badan manakala bahu, sayap dan ekor berwarna coklat gelap. Individu juvenil pula mempunyai bahagian bahu, leher, dada dan tepi badan berwarna coklat kekelayuan. Panjang keseluruhan bagi individu dewasa ialah 36-37 sm.

**MAKANAN**

Dietnya terdiri daripada ikan dan hidupan akuatik yang lain.

**HABITAT**

Habitat yang sesuai bagi spesies ini ialah di kawasan hutan paya bakau, terutamanya kawasan hutan yang telah matang.

**BUNYI**

Spesies ini mengeluarkan bunyi *tree treew-treew* yang kuat, bergetar dan semakin menurun dan *cha-cha-cha-cha* yang kuat dan dalam.

**PEMBIAKAN**

Musim pembiakan bagi spesies ini adalah di antara bulan Mac hingga April (India). Individu betina boleh menghasilkan 3-4 biji telur berwarna putih. Sarangnya merupakan terowong yang dibina pada tebing, 4 meter di atas tanah atau dari permukaan air.